



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson dan Pejabat Daerah Port Dickson tidak akan dipertimbangkan.
2. Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa sijil asal serta salinan sijil
 - a) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
 - b) **Sijil SSM**
 - c) **Surat Pengiktirafan Bumiputera dengan PKK**
 - d) **Sijil Pendaftaran MPPD**
 - e) **Perakuan Pendaftaran dengan CIDB**

Bagi permohonan kerja elektrik perlu menyertakan tambahan :

- f) **Sijil Suruhanjaya Tenaga (ST)**

yang masih sah/belum tamat tempoh layak menghadiri taklimat dan lawatan ke tapak kerja(**wakil tidak dibenarkan**)

3. **Kesemua Sijil di atas perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh lawatan tapak.**
4. **Borang Sebut harga hendaklah diisi menggunakan pen dakwat cair hitam.**
5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset Dan Stor, MPPD. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Setiap kesilapan pada borang hendaklah ditandatangani ringkas. **Tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper).**
7. Kontraktor hendaklah memberi bukti keupayaan dalam bentuk tunai atau kemudahan kredit yang disahkan oleh pihak bank dan disertakan bersama borang sebut harga.
8. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan PKK dibawah kepala dan sub-kepala berikut dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja sebut harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti lampiran

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Kelas/ Gred Kontraktor	Kelas Kepala & Sub/Kepala	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
MPPD SH 33 / 2019 RM50.00	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Hawa Dingin Milik Majlis Perbandaran Port Dickson	G1 atau G2	Kategori ME Pengkhususan E04, M01 dan M15	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset Dan Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh: 31.05.2019 Hingga 10.06.2019	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset Dan Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh : 10.06.2019 *Jam 12.00 t/hari
MPPD SH 59 / 2019 RM50.00	Cadangan Menaiktaraf Tandas Di Tanjung Biru, Port Dickson Serta Kerja-kerja Berkaitan	G1	Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21		
MPPD SH 60 / 2019 RM150.00	Membina Tandas Dan Bilik Persalinan Awam Di Pantai Batu 5, MP Port Dickson	G2	Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21		

Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Mei 2019 (Jumaat) jam 9.00 pagi.

Menghadiri taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan untuk semua sebut harga.